From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MEMPERKASA GURU PENDIDIKAN ISLAM PERLIS: SOE UUM ANJUR TAKLIMAT PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN
Date: Sunday, 16 August, 2026 12:18:11 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

16 OGOS 2026 / 3 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita oleh: Dr. Muhd Zulhilmi Haron
Gambar oleh: Dr. Nazmin Abdullah

MEMPERKASA GURU PENDIDIKAN ISLAM PERLIS: SOE UUM ANJUR TAKLIMAT PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN



UUM ONLINE: Kangar - Pusat Pengajian Pendidikan (SOE), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuh komitmen dan iltizamnya dalam memperluas akses serta kualiti pendidikan tinggi buat warga pendidik menerusi penganjuran Taklimat Penawaran Program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) khusus bagi Guru Pendidikan Islam (GPI) di negeri Perlis.

Sesi taklimat yang berlangsung hari ini bermula jam 2.00 petang di Balai Sidang Perdana, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perlis (Cawangan), Jalan Tun Abdul Razak, Kangar merupakan kesinambungan usaha strategik antara SOE UUM dan Sektor Pendidikan Islam (SPI) JPN Perlis. Inisiatif berterusan ini bermatlamat untuk memberikan pendedahan komprehensif mengenai penawaran program pascasiswazah bagi kemasukan Ambilan Semester A261.

Penganjuran kali ini membuktikan keberkesanan dan sambutan positif berterusan daripada siri-siri promosi terdahulu, sekali gus mencerminkan semangat tinggi guru-guru Pendidikan Islam di Perlis untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik dan profesionalisme keguruan seiring dengan cabaran pendidikan era moden.



Delegasi SOE UUM pada sesi kali ini diwakili oleh Dr. Muhd Zulhilmi Haron selaku Pengerusi Program Pascasiswazah Luar Kampus/Pesisir bersama Dr. Nazmin Abdullah selaku Pengerusi Program Sarjana Pendidikan. Beliau telah menyampaikan taklimat terperinci mengenai struktur Program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam), syarat kemasukan, serta kelebihan mod pengajian secara separuh masa yang direka khas mengikut fleksibiliti warga pendidik agar dapat mengimbangi antara tugas hakiki dan tuntutan pengajian.

Selain pendedahan mengenai laluan pengajian dan struktur kursus, para peserta turut diberikan bimbingan praktikal mengenai prosedur permohonan kemasukan, saluran pembiayaan, serta prospek pembangunan kerjaya yang berimpak tinggi. Sesi soal jawab secara interaktif turut membuka ruang luas kepada para guru untuk mendapatkan maklumat lanjut terus daripada pihak universiti.



Inisiatif kolaboratif yang proaktif ini selaras dengan hasrat SOE UUM untuk menyokong transformasi ekosistem pendidikan negara menerusi gagasan Malaysia MADANI. Pihak SOE UUM berharap sinergi erat bersama JPN Perlis ini akan terus mekar bagi melahirkan barisan pendidik yang berilmu, berketerampilan dan berdaya saing tinggi.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.